❤PENANG

1 - 15 SEPTEMBER, 2023

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# CHOW KON YEOW terus memacu Pulau Pinang

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN** - Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang bagi penggal baharu pada 13 Ogos 2023.

Istiadat mengangkat sumpah berlangsung di hadapan Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dekat Seri Mutiara di sini.

Pada majlis istiadat tersebut, Kon Yeow, 65, menerima watikah pelantikan dan disusuli dengan istiadat lafaz sumpah memegang jawatan dan taat setia serta sumpah menyimpan rahsia sebagai Ketua Menteri bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-15.

Beliau yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota kemudiannya menandatangani surat cara pelantikan dengan disaksikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar.

Hadir sama pada majlis istiadat tersebut ialah isteri kepada TYT, Toh Puan Khadijah Mohd. Nor.

Isteri Ketua Menteri, YBhg. Puan Tan Lean Kee, mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng; Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang; Mufti Kerajaan Negeri, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor serta barisan kepimpinan PH negeri Pulau Pinang juga turut hadir.



ISTIADAT mengangkat sumpah jawatan Ketua Menteri yang berlangsung dekat Seri Mutiara pada 13 Ogos lalu.



MEMULAKAN tugas pada hari pertama penggal baharu.

Sebagai rekod, Kon Yeow yang juga Pengerusi Parti Tindakan Demokratik (DAP) Pulau Pinang diberi mandat memegang tampuk pentadbiran negeri untuk penggal kedua.

Pada Pilihan Raya Negeri Ke-15 (PRN-15), PH bersama-sama parti gabungan Barisan Nasional (BN) berjaya membentuk Kerajaan Negeri selepas memenangi 29 kerusi daripada 40 kerusi DUN.

Difahamkan, DAP berjaya mempertahankan kemenangan di semua 19 kerusi yang dipertandingkan.

Sementara itu, Parti Keadilan Rakyat (PKR) menang di tujuh kerusi DUN iaitu Kebun Bunga, Pantai Jerejak, Batu Uban, Batu Maung, Machang Bubuk, Bukit Tengah dan Bukit Tambun.

Parti Amanah Negara (Amanah) pula menang satu kerusi di DUN Bayan Lepas manakala BN menang dua daripada enam kerusi yang ditandingi iaitu Bertam dan Sungai Acheh.

# Projek pembangunan khas bantu kurang kesesakan trafik

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN –** Lima projek pembangunan dan infrastruktur kecil awam bernilai RM2.4 juta yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dapat meminimumkan masalah kesesakan trafik terutamanya di kawasan Bukit Tambun.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik berkata bahawa kelulusan projek berkenaan adalah tepat pada masanya memandangkan daerah Seberang Perai Selatan (SPS) kini berdepan masalah kesesakan lalu lintas yang semakin kritikal.



**GOH Choon Aik.**

"Saya sebagai ADUN kawasan ini juga berharap agar projek lebih besar dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas ini secara lebih komprehensif dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Menurut Choon Aik, kelulusan projek-projek berkenaan juga membuktikan bahawa pentingnya mempunyai kerajaan yang sama pada peringkat Persekutuan dan negeri.

"Ini kerana permohonan menaik taraf jalan ini dipanjangkan sejurus selepas pilihan raya umum ke-14 (PRU14) dan kerja-kerja penaiktarafan telah dijalankan pada awal tahun 2020 bagi fasa pertama.

"Namun, kerja penaiktarafan tertangguh selepas berlakunya Langkah Sheraton dan sepanjang dua tahun (sehingga 2022) langsung tidak ada khabar berita mengenai projek-orojek ini.

"Perkara ini kemudiannya diangkat semula ke peringkat Pusat selepas Pilihan Raya Umum Ke-15, dan pada 15 Julai lalu Kementerian Ekonomi telah meluluskan peruntukan bernilai RM2.4 juta," katanya.

Lima projek infrastruktur tersebut adalah merangkumi:-

- Cadangan kerja-kerja pelebaran jalan, *dedicated u-turn* dan lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan Bukit Tambun (FT 149) – RM500,000;
- Cadangan kerja-kerja menaik taraf persimpangan jalan dan lain-lain kerja berkaitan di Persimpangan Tol Bukit Tambun Selatan (FT 149) – RM500,000;
- Cadangan kerja-kerja mengecat garisan jalan yang pudar/hilang dan lain-lain kerja berkaitan di sepanjang Jalan Bukit Tambun (FT 149) dan Jalan Paboi – RM400,000;
- Cadangan kerja-kerja mengecat garisan jalan yang pudar/hilang dan lain-lain kerja di Jalan Ipoh-Butterworth (FT 001) – RM500,000;
- Cadangan kerja-kerja mengecat garisan jalan yang pudar/hilang dan lain-lain kerja di Jalan Transkrian – Jalan Bukit Panchor (FT 283) dan Jalan Transkrian (FT 282) – RM500,000.

Sementara itu, pemilik bengkel kenderaan, **CHEAH WEI KIAN** ketika ditemui Buletin Mutiara menyatakan bahawa projek tersebut amat penting untuk penduduk Bukit Tambun yang terpaksa berdepan masalah kesesakan trafik hampir setiap hari.



**CHEAH Wei Kian.**

"Diharapkan agar selepas siapnya projek ini kelak, kesesakan trafik di kawasan Bukit Tambun ini dapat dikurangkan.

"Sebenarnya, kami sudah penat kerana setiap hari terpaksa berdepan masalah kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak setiap hari Isnin hingga Jumaat.



**LAWATAN khas pada Siri Jelajah Ketua Menteri ❤PENANG di Jalan Bukit Tambun pada 25 Julai lalu.**

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Perpaduan kerana telah meluluskan projek ini yang memberikan manfaat kepada penduduk setempat," katanya.

Nada sama turut disuarakan oleh seorang pekerja kilang, **MOHD. KHAIRUL UMAM AZMI** yang berharap agar kesesakan lalu lintas dapat diminimumkan apabila lima projek berkaitan siap kelak.

"Isu kesesakan lalu lintas terutamanya di Jalan Paboi (Bukit Tambun) semakin teruk dan menimbulkan rasa tidak selamat lebih-lebih lagi kepada penunggang motosikal.

"Selepas mendengar bahawa Kerajaan Persekutuan telah meluluskan projek penaiktarafan jalan di sini sudah pasti kami penduduk setempat berasa sangat lega.

"Walau bagaimanapun saya berharap Kerajaan Negeri boleh merangka projek yang boleh menyelesaikan isu trafik ini secara total untuk jangka masa panjang," ujarnya.

*(Berita lanjut di muka 15).*



**MOHD. Khairul Umam Azmi.**




Oleh:
**AZMI HUSSIN**

# Pelajar USM diiktiraf cipta karya ‘LUMINOUS PEARL’




**SYAMIRUL Alif Shaharudin (kanan) dan rakannya menunjukkan replika cek selepas dinobatkan sebagai pemenang bagi pertandingan anjuran IJM Perennial Development (IJMPD) untuk *‘Penang Urban Sculpture Programme’* baru-baru ini.**

**MERANTAU** dari selatan Semenanjung ke Pulau Mutiara merupakan sebuah pengalaman yang tidak dijangka bagi **SYAMIRUL ALIF SHAHARUDIN**, 29, yang merupakan anak kelahiran Johor Bahru, Johor.

Syamirul Alif yang kini merupakan penuntut tahun akhir bagi Jurusan Sarjana Seni Bina, Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang teruja dinobatkan sebagai pemenang bagi pertandingan anjuran *IJM Perennial Development* (IJMPD) untuk *‘Penang Urban Sculpture Programme’* baru-baru ini.

Program yang dilancarkan pada April 2022 lalu adalah bersempena Hari Arca Antarabangsa dengan tujuan untuk memupuk bakat dalam kalangan kelompok muda tempatan terhadap bidang seni.

Pertandingan tersebut ternyata menerima penyertaan dalam kalangan penuntut institusi pengajian tinggi, sekali gus meningkatkan lagi daya tarikan pelancongan lokal.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **TANUSHALINI MOROTER** berkesempatan menemu bual beliau untuk melihat sendiri konsep seni bina reka bentuk yang diketengahkan melalui hasil karyanya.

Bertemakan *‘Where Light Meets Water’*, Syamirul Alif berkongsi perspektifnya dalam mendalami maksud tema tersebut dan ditonjolkan melalui karya arca dihasilkan.

“Sebelum mula mencipta sesuatu rekaan tidak kira sekadar arca atau rumah, saya akan dahulukan kemahuan pelanggan, kemudian saya akan mendalami tema yang diingini dan memulakan proses rekaan.

“Kali ini, tema yang diberikan membuatkan saya lebih tertarik untuk mendalami seni bina dalam menghasilkan karya arca, maka terhasil rekaan saya yang dikenali sebagai *‘Luminous Pearl’* atau ‘Mutiara Bercahaya’ yang terletak berhampiran Persiaran Gurney,” ujarnya yang juga merupakan pelajar sepenuh masa dalam jurusan berkaitan.

Bagi Syamirul Alif, kemahuan pelanggan turut



**RUPA bentuk rekaan *‘Luminous Pearl’* atau ‘Mutiara Bercahaya’.**

mendorong hasil reka bentuk yang sangat unik yang mana ia telah menarik minatnya untuk lebih menceburkan diri dalam pertandingan akan datang.

“Seperti yang sedia maklum, tema yang diberikan mempunyai maksud yang sangat mendalam, dan sangat bersesuaian dengan gambaran negeri Pulau Pinang.

“Pulau Pinang dikelilingi lautan iaitu bertepatan dengan tema, oleh itu karya arca mutiara dalam cengkerang ini membawa maksud mutiara melambangkan negeri ini manakala cengkerang pula melambangkan habitat lautan, ditambah pula dengan nyalaan lampu putih pada waktu malam, membuatkan arca tersebut lebih menyerlah serta tampil minimalis.

“Proses reka bentuk hanya mengambil masa seminggu, kemudian beralih kepada proses pembuatan pula yang mengambil masa kira-kira dua bulan secara keseluruhannya,” tambahnya yang telah menetap di negeri ini lebih dari dua tahun.

## Cabaran

Menurut Syamirul Alif, melibatkan diri dalam pertandingan hebat sebegini merupakan satu cabaran baharu baginya dek perlu fokus serta membahagi masa terhadap pembelajaran juga.

“Sesungguhnya, penyelia di USM banyak membantu serta memberikan bimbingan dan sokongan yang padu sepanjang proses menyiapkan projek ini.

“Sebagai pelajar jurusan seni bina sepenuh masa, sudah tentu agak sukar dari segi pembahagian masa serta perlu mengejar pembelajaran baru semasa kelas, jika ketinggalan sesuatu dalam pembelajaran sudah tentu saya akan bertanyakan kepada rakan sekelas.

“Walaupun belajar secara sepenuh masa, penyelia juga turut menggalakkan kami (pelajar) untuk menyertai pertandingan yang dianjurkan kerana rugi jika tidak merebut peluang yang ada dan cuma perlu tonjolkan bakat serta kegigihan.

“Kebiasaannya, saya akan berunding dahulu dengan penyelia untuk meminta khidmat nasihat ekoran jadual yang sangat padat, kemudian apabila penyelia bersetuju, adalah menjadi tanggungjawab untuk saya agar tidak mensia-siakan peluang yang ditawarkan,” ulasnya.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa Pulau Pinang mempunyai keunikannya yang tersendiri dan masih lagi mengekalkan warisan serta keaslian sesebuah bangunan itu.

“Sewaktu peringkat awal datang ke sini, saya amat teruja dan kagum dengan seni bina bangunan-bangunan yang sangat berani dan ‘bombastik’ terutamanya di kawasan George Town.

“Tidak dinafikan bahawa Kerajaan Negeri berjaya dengan usaha mengekalkan bangunan warisan dan seni bina sesebuah bangunan serta berani meletakkan elemen moden sebagai contohnya *Gurney Paragon*,” ujarnya sambil memaklumkan karya arcanya bakal dipindahkan ke projek *IJMPD The Light City* kelak.

## Harapan

Di samping itu, Syamirul Alif urut berharap menerusi penglibatannya dalam pertandingan yang disertai, ia bakal memenuhi cita-citanya sebagai seorang arkitek yang berjaya.

“Pertandingan yang disertai merupakan sebuah ‘tiket’ bagi pelajar jurusan seni bina dalam melebarkan sayap lebih tinggi dalam bidang ini dek portfolio yang cemerlang dan memuaskan.

“Malah, saya turut berharap kejayaan ini seterusnya mampu melayakkan saya mendapatkan gelaran Arkitek (Ar.) pada masa hadapan, begitu juga rakan seperjuangan yang lain.

“Saya berharap IJM akan menganjurkan pertandingan seperti ini setiap tahun sebagai acara terulung di Pulau Pinang dan lebih penting lagi ia menjadi sebuah platform untuk memupuk lebih ramai bakat tempatan serta membina masyarakat yang mempunyai kreativiti.

“Portfolio yang cemerlang bagi pelajar jurusan seni bina amat penting dan mampu diadaptasikan melalui pelbagai karya untuk rujukan Lembaga Arkitek Malaysia kerana lebih banyak pertandingan disertai berjaya, lebih ramai pihak yang berminat untuk mengenali,” serunya menutup bicara.




**MERAKAM gambar kenangan bersama-sama rakan pengajian.**

# Bidang elektrik dan solar

## anak muda buktikan bumiputera mampu bersaing



MOHD. Faizal Mohd. Yusof dengan hasil kerja beliau.

MENJALANKAN perniagaan pada usia muda bukan sesuatu yang mudah, apatah lagi sebuah syarikat kejuruteraan berasaskan elektrik dan solar yang masih kurang dipelopori kini.

Namun, pemegang Sarjana Kejuruteraan Elektrik dari *University of Sunderland*, United Kingdom, **MOHD. FAIZAL MOHD. YUSOF**, 37, mengambil risiko untuk terjun ke dalam bidang tersebut dengan menubuhkan syarikat FNM Industries Sdn. Bhd. (FNM Industries).

Selepas menamatkan pengajian dan pulang ke tanah air pada 2013, Mohd. Faizal telah 'dilamar' oleh beberapa syarikat multinasional, namun beliau menolak tawaran tersebut dan memilih untuk menerokai cabaran serta peluang baharu yang lebih baik.

Pada awal kariernya, Pengarah Urusan FNM Industries itu memutuskan untuk menimba pengalaman bersama-sama syarikat kejuruteraan Pen Solar yang beralamat di Sungai Gelugor.

Dari situlah, Mohd. Faizal mengembangkan karier dan kemahirannya dalam bidang berkaitan di samping melakukan pelbagai tugasan lain seperti pengurusan, sumber manusia, pemasaran dan sebagainya.

"Kira-kira hampir tujuh tahun di syarikat tersebut, saya belajar macam-macam perkara termasuk hal-hal menguruskan sesebuah syarikat.

"Ini kerana saya memang bercita-cita mahu membuka syarikat kejuruteraan sendiri, jadi semua bidang perlu dipelajari serentak dalam satu masa.

"Di sini juga saya mendapatkan *networking* dan memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan sebagai penanda aras kemajuan diri sendiri selain menjaga imej serta nama syarikat tempat kita bekerja," ujarnya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** dekat George Town baru-baru ini.

### Tiada jalan mudah

Berasaskan modal kecil, untuk menubuhkan sebuah syarikat berteraskan kejuruteraan solar bukanlah satu perkara yang mudah.

Justeru, beliau memberitahu bahawa dirinya cuba membuat pinjaman daripada hampir semua bank yang ada di negeri ini sebagai modal untuk memulakan perniagaan tersebut tetapi tidak berjaya.

"Saya mulakan juga dengan modal yang tidak seberapa pada tahun 2019 dan cuba membuat keuntungan.

"Pada tahun pertama memang sukar tetapi syukurlah walaupun hanya setengah tahun tetapi berjaya memperoleh *revenue* sebanyak RM195,000 dan semakin meningkat.

"Kejayaan ini tidak datang bergolek melainkan dengan usaha berterusan, kreativiti, berani keluar dari zon selesa, menerokai potensi diri dan belajar daripada setiap pengalaman sepanjang perjalanan menguruskan perniagaan ini.

"Tidak dilupakan adalah berkat daripada orang tua kita sendiri dan panjatkan doa kepada Yang Maha Esa kerana Dia adalah sebaik-baik pemberi rezeki atas apa yang kita ikhtiar dan usahakan," jelas anak kelahiran Taman Brown, Gelugor itu lagi.



PEMANTAUAN kerja-kerja pemasangan panel solar di lapangan.

### Anak muda bangkit tonjol potensi

Tanpa berniat mahu mendabik dada, Mohd. Faizal menjelaskan bahawa beliau mahu anak-anak muda pada hari ini bangkit dan menonjolkan potensi diri berdasarkan ilmu yang diperoleh sama ada di menara gading mahupun di tempat kerja.

Melalui syarikatnya, beliau turut melatih beberapa kakitangan daripada *'zero'* sehingga bertaraf mahir dan mampu bekerja dengan pemantauan minimum termasuk menguasai kemahiran-kemahiran tertentu.

"Kadang-kadang, ada anak muda yang baru habis belajar nak kerja, tetapi dengan segenggam ijazah mereka mula *demand* macam-macam seperti tak nak bekerja di bawah panas matahari dan sebagainya.

"Apabila masuk ke bidang seperti ini, semua itu perlukan pengorbanan, adakalanya perlu berjemur di bawah terik matahari hingga seharian dan saya juga tidak terkecuali.

"Saya sendiri turun padang membantu kakitangan mahupun *subcon* (kontraktor) melaksanakan kerja-kerja bagi memastikan kualiti kerja berada pada tahap maksimum kerana itulah kekuatan dan kepercayaan pelanggan," ulasnya yang turut mendapat permintaan pemasangan panel solar di luar Pulau Pinang.

### Cabaran

Tanpa berselindung, Mohd. Faizal memberitahu bahawa persaingan dalam industri solar di Malaysia khususnya Pulau Pinang adalah sangat sengit.

Tambahan pula kata beliau, FNM Industries merupakan satu-satunya syarikat pemasangan solar diasaskan oleh bumiputera di negeri ini.

"Atas sebab itu, saya perlu 'jual' kualiti kerja yang terbaik dalam meyakinkan pelanggan kerana seperti kita tahu, majoriti syarikat-syarikat swasta adalah bukan milikan bumiputera.

"Bahkan ada di antaranya adalah syarikat multinasional milikan Eropah, Jepun dan luar negara yang pastinya lebih ketat dalam pemilihan dan kemahuan mereka.

"Apabila letakkan kualiti sebagai keutamaan, saya bersyukur melalui jaringan perniagaan dibina dan dijaga sebelum ini, mereka (pelanggan) masih ingat kepada saya dan beri kepercayaan untuk pemasangan panel solar di bangunan serta premis milik mereka," maklumnya yang turut terjejas teruk ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama dua tahun.

Tambah Mohd. Faizal, semasa PKP anggaran jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung adalah kira-kira RM300,000.

"Walaupun mengalami kerugian tetapi saya tidak sanggup membuang kakitangan saya kerana merekalah yang sentiasa menjadi tulang belakang syarikat selama ini," ujarnya.

Namun, Mohd. Faizal percaya bahawa beliau mampu bangkit selepas keadaan kembali pulih dan ternyata kini FNM Industries boleh dikatakan stabil serta terus mengorak langkah dalam sektor solar di negara ini.

*(Sambungan di muka 9).*

# RM25 juta pelihara, urus Tapak Warisan Dunia UNESCO

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerima peruntukan RM25 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan memelihara dan pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa peruntukan tersebut akan dimanfaatkan untuk melaksanakan pelbagai projek termasuk membaik pulih bangunan warisan serta projek konservasi berasaskan komuniti.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam mengukuhkan Nilai Keunggulan Sejagat Tapak Warisan Dunia UNESCO sejak ia diiktiraf pada 7 Julai 2008.

"Walaupun pengurusan dan pemeliharaan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town yang mempunyai 5,013 bangunan ini adalah penuh cabaran tetapi Kerajaan Negeri tetap komited untuk memastikan aset warisan berharga ini kekal terpelihara.

"Sepanjang 15 tahun ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sekurang-kurangnya RM150 juta dalam menampung kos pemuliharaan, pemeliharaan, konservasi, penaiktarafan, pembaikian, pendokumentasian, promosi, aktiviti pemerkasaan komuniti dan pengurusan tapak.

"Justeru, dengan adanya peruntukan tambahan daripada Kerajaan Persekutuan, lebih banyak lagi perkara yang boleh kita usahakan untuk menjaga Tapak Warisan Dunia," katanya semasa berucap pada Majlis Penyerahan Cek Peruntukan Program Pemeliharaan Tapak Warisan Dunia UNESCO yang disampaikan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Datuk Sri Tiong King Sing dekat sini 28 Julai lalu.

Turut hadir, mantan Exco Pelancong dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh; Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya Melaka, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman serta Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan) MOTAC, Datuk Mohd. Zamri Mat Zain.

Pada masa sama, Kon Yeow mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Warisan Negara membuka peluang baru dan melantik lebih ramai konservator warisan daripada kalangan golongan muda.

"Mengikut senarai konservator warisan pada tahun 2023, hanya sembilan sahaja yang berdaftar di Pulau Pinang dan kuantiti ini adalah tidak mencukupi.

"Ini kerana Pulau Pinang memerlukan lebih banyak pakar dalam bidang ini," katanya sambil mencadangkan supaya peruntukan RM25 juta tersebut diberikan pada setiap tahun.

Terdahulu, Kerajaan Persetukuan dalam Belanjawan 2023 bersetuju menyalurkan peruntukan RM50 juta kepada negeri Melaka dan Pulau Pinang untuk terus kekal memelihara Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Sementara itu, King Sing berkata bahawa MOTAC kini dalam usaha mengenal pasti kampung-kampung tradisional yang ada terutamanya di negeri Pulau Pinang dan Melaka untuk diangkat sebagai destinasi pelancongan.

"Kita mahu menarik lebih banyak pelancong dari luar untuk melawat Malaysia melalui projek penaiktarafan kampung tradisional ini," ujarnya.




**KETUA Menteri bersama-sama Ab Rauf Yusoh menerima cek cura pada majlis penyerahan peruntukan Program Pemeliharaan Tapak Warisan Dunia UNESCO yang disampaikan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Sri Tiong King Sing di sini baru-baru ini.**





KONDO 34 TINGKAT
DENGAN PELBAGAI
KEMUDAHAN REKREASI

HAK MILIK KEKAL

- Terletak di Sungai Nibong, Pulau Pinang
- 3 bilik tidur dan 2 bilik mandi
- Kemudahan-kemudahan:
  - Kolam Renang
  - Taman Landskap
  - Kolam Renang Kanak-kanak
  - Ruang Komuniti Konsep Terbuka
  - Taman Permainan Kanak-kanak
  - Gym Terbuka serta tertutup dan kemudahan lain-lain




DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA

RUMAH CONTOH SEDIA DIKUNJUNGI DENGAN TEMU JANJI, SILA HUBUNGI:
04-641 1333 / 012-326 8031

PEARLOCEAN
UNIQUE HOMES | EXTRAORDINARY LIFESTYLES

PRISMA BUMIRAYA SDN BHD (877026-X)
C-1-1 Bay Avenue, Lorong Bayan Indah 3,
11900 Pulau Pinang. Tel: 04-641 1333
Faks: 04-642 1333
Emel: pearlocean.mkt@gmail.com

Jenis Perumahan: Kondominium 34 Tingkat • No. Lesen Pemaju: 14734/07-2027/0473(R) • Tempoh Sah: 31/05/2022 - 04/07/2027 • Permit Pengiklanan: 14734-3/07-2024/0985(R)-(S) • Tempoh Sah: 05/07/2023 - 04/07/2024 • No. Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB10018/17(LB) • Pelan Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • Pajakan Tanah: OCBC Bank (Malaysia) Berhad • Harga: RM683,000 (Min.) - RM850,000 (Mak.) • Jumlah Unit: 282 unit • Tarikh Dijangka Siap: Disember 2023 • Hakmilik Tanah: Hakmilik Kekal

# Dr. Azizah ingin terus

PADA 21 Julai 2023, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Datin Dr. Azizah Ab. Manan bersara wajib.

Baru-baru ini, Buletin Mutiara berpeluang menemu ramah Azizah, seusai beliau mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri Tuan Chow Kon Yeow di pejabatnya dekat Komtar.

Memulakan wawancara, Azizah memberitahu bahawa beliau sudah berkhidmat dalam sektor perkhidmatan kesihatan awam selama kira-kira 35 tahun, iaitu selepas bergelar graduan dalam jurusan perubatan di Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur pada 1988.

"Saya mula bekerja sebagai pegawai perubatan latihan siswazah pada tahun 1988 di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, Kelantan.

"Selepas itu, saya melanjutkan pengajian pakar dalam kesihatan awam pada tahun 1999, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Kemudian, saya meneruskan karier di Pulau Pinang, pada tahun 1999 di Daerah SPS (Seberang Perai Selatan); sebelum bertugas di JKNPP untuk menjaga (Cawangan) Kesihatan Keluarga selama lima tahun," jelasnya kepada wartawan **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD**.

Selama bertugas di Pulau Pinang, Azizah memberitahu bahawa beliau pernah berkhidmat di tiga Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) iaitu Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS) dan Timur Laut.

"Selepas bertugas di PKD, saya dipindahkan ke peringkat negeri (JKNPP) dan diberi tanggungjawab yang lebih besar iaitu menjaga program kawalan penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, darah tinggi, kanser, kesihatan mental dan sebagainya," jelasnya.



KETIKA sesi kunjungan hormat terhadap Ketua Menteri baru-baru ini.

> **"Kalau kita boleh menguruskan penyakit berjangkit pada peringkat pencegahan, kita dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan dengan begitu banyak, sebab sebenarnya kos merawat penyakit-penyakit kronik ini adalah sangat tinggi.**
>
> **- DATIN DR. AZIZAH AB. MANAN**

## Urus program kawalan penyakit

Bercerita lanjut, Azizah menyatakan bahawa pengalaman menjaga program kawalan penyakit tidak berjangkit di bawah JKNPP sedikit sebanyak telah menyedarkan dirinya bahawa tugas hakiki seorang doktor tidak terhad kepada merawat pesakit di hospital semata-mata.

"Menjaga program kawalan penyakit tidak berjangkit ini memang minat saya yang mana saya merasakan kalau kita boleh menumpukan kepada usaha-usaha pencegahan penyakit tidak berjangkit pada peringkat awal dengan baik seperti risiko gemuk, tabiat hisap rokok, amalan pemakanan yang tidak teratur yang mana boleh menyebabkan penyakit berjangkit.

"Kalau kita boleh menguruskan penyakit berjangkit pada peringkat pencegahan, kita dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan dengan begitu banyak, sebab sebenarnya kos merawat penyakit-penyakit kronik ini adalah sangat tinggi.

"Apabila seseorang mengidap penyakit kronik, beliau akan mengidap penyakit itu untuk sepanjang hayatnya, jadi kos (bagi merawat sakit adalah sehingga pesakit menghembuskan nafas terakhir," ujarnya.

Beliau menyatakan bahawa pengurusan sakit tidak berjangkit adalah berbeza dengan pengurusan sakit berjangkit.

"Berlainan dengan penyakit-penyakit berjangkit, ia akan sembuh dan mereka yang berkenaan akan kembali sihat.

"Di samping itu, cara nak mengawal penyakit berjangkit adalah dengan menjaga ejen-ejen yang boleh menyebabkan penyakit berjangkit tersebut (dari merebak).



MENINJAU operasi bas yang dijadikan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) COVID-19 bergerak di Batu Ferringhi kira-kira dua tahun lepas.

"Penyakit tidak berjangkit ini biasanya ada kaitan dengan gaya hidup pesakit itu sendiri, jadi ini pilihan untuk elakkan.

"Penyakit berjangkit memang susah nak elakkan, tetapi sebenarnya mudah untuk dicegah dengan syarat kita faham apakah faktor-faktor risiko yang kita patut kenal pasti dan kena urus cepat," ulasnya.

## Sedih melihat pesakit kanser

Selain itu, Azizah berkongsi bahawa beliau mempunyai minat yang mendalam semasa merawat pesakit kanser.

"Paling memberi kesan pada diri saya, saya rasa sedih apabila seseorang mula mendapat tahu yang mereka mengidap kanser.

"Sebab, memang ada penyakit kanser yang sukar untuk kita cegah, terutama yang berkaitan faktor genetik, tetapi ada banyak penyakit kanser kita boleh elak melalui amalan gaya hidup sihat seperti tidak merokok.

"Merokok, tabiat yang susah untuk dihentikan sebab melibatkan ketagihan, dan kalau ditanya kepada perokok, mereka akan kata amalan itu akan meningkatkan ketenangan dan sebagainya, tetapi merokok bukan pilihan yang baik," tegasnya.

*(Sambungan di muka 7).*

(Sambungan dari muka 6).

# berbakti selepas bersara



DR. Azizah Ab. Manan.

Berdasarkan laporan statistik berkaitan, Azizah mendedahkan bahawa di Pulau Pinang bagi tempoh 2007 hingga 2011 menyaksikan setiap tujuh orang, seorang berisiko mengidap kanser.

"Dalam laporan lima tahun sekali yang dikeluarkan selepas itu, nisbah pesakit kanser menjadi setiap enam orang, seorang berisiko mengidap penyakit kanser.

"Maksudnya, kekerapan itu meningkat (bagi tempoh lima tahun), lebih ramai orang berisiko mengidap penyakit kanser.

"Salah satu punca adalah disebabkan orang yang mengidap penyakit kanser itu dikesan lewat, (yang mana) sakitnya itu dikesan pada tahap tiga atau empat.

"Penyakit kanser payu dara dan serviks umpamanya, kalau dikesan lebih awal, peluang untuk penyakit tak berjangkit itu sembuh adalah lebih cerah," katanya.

Beliau menyatakan bahawa orang awam seharusnya diasuh untuk mengamalkan gaya hidup sihat serta pemakanan yang sihat, di samping senantiasa membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala bagi mengesan risiko sakit tidak berjangkit.

## Niat ikhlas dalam kerjaya

Sungguhpun sudah berusia 60 tahun dan bersara wajib, Azizah memberitahu bahawa semangat untuk berbakti kepada masyarakat tidak pernah pudar sama sekali.

"Sesetengah orang nak jadi doktor mungkin untuk meraih sanjungan, tetapi bagi saya yang pernah menjadi sebahagian penjawat awam dalam sektor perkhidmatan kesihatan awam ini berasa, sifat paling penting yang perlu ada dalam diri seorang doktor perubatan adalah keikhlasan.

"Apabila niat dalam diri betul, baru keikhlasan akan wujud.

"Semasa zaman belajar, banyak bidang saya boleh pilih, nak jadi cikgu umpamanya, tetapi akhirnya saya memilih untuk menjadi seorang doktor (perubatan) sebab saya berasa boleh menyumbang atau berbakti kepada ramai orang.

"Semasa itu, saya juga melihat kerja hakiki seorang doktor adalah merawat pesakit sahaja, selepas menjadi doktor baru saya sedar skop tugasan seorang doktor adalah lebih luas daripada merawat, lebih baik mencegah.

"Saya tidak kisah kalau terpaksa *'on call'* tetapi apabila saya berpindah ke sebuah klinik kerajaan di Changkat Jering, saya dapat merasakan komuniti di luar sana ramai memerlukan khidmat saya.

"Saya suka bercakap yang mana saya menyampaikan ceramah, memang ramai bertanya yang kadang-kadang langsung tiada berkaitan dengan tajuk ceramah yang saya sedang sampaikan.

"Mereka tanya mengenai penyakit, bagaimana nak mengelak daripada risiko penyakit sebagainya.

"Dari situ baru saya sedar, selama ini tanggungjawab doktor bukan sekadar merawat pesakit sahaja, yang mana di luar sana masih ramai belum terkena penyakit tak berjangkit, ada ramai di luar sana yang belum mengidap penyakit tak berjangkit tetapi tidak ada informasi," ujarnya.

## Cabaran COVID-19

Tambah Azizah, tujuan hakiki seseorang doktor adalah membantu, sesuai dengan motto Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu 'Kami Sedia Membantu'.

"Jadi bagi menguruskan program kawalan penyakit berjangkit semasa COVID-19, saya mengadaptasi '5 Tahap Pencegahan' apa yang kita tidak mahu terjadi adalah kematian.

"Kadar kematian semasa pandemik COVID-19 adalah sangat tinggi, kalau kita (JKNPP) bertindak lambat, kemungkinan untuk seseorang itu mati adalah lebih tinggi.

"Sebab itu perlu kerja secara berpasukan, paling penting bagi PKD (Pegawai Kesihatan Daerah) adalah melakukan kolaborasi dengan pelbagai agensi termasuk Pejabat Daerah dan wakil rakyat tempatan sendiri.

"Pertama, saya kolaborasi dengan Pejabat Daerah dan wakil rakyat tempatan… kita (JKNPP) kena telus, kalau saya simpan data (kematian) mungkin lebih ramai mati, jadi kita kerap mengadakan mesyuarat dengan kerajaan serta para pemegang taruh lain termasuk hospital bukan kerajaan.

"Di Daerah Timur Laut, saya amat teruja apabila berjaya kolaborasi dengan pejabat wakil rakyat dan pelbagai pihak bagi menjayakan program kawalan kesihatan awam yang melibatkan komuniti setempat.

"Sebagai pemimpin (di PKD Daerah Timur Laut), saya senantiasa meletakkan diri ini pada kedudukan paling rendah, kita tonjolkan peranan wakil rakyat tempatan serta para pemegang taruh yang lain," kongsinya.

## Pelan pasca persaraan wajib

Selepas bersara wajib, Azizah berkata bahawa beliau mahu berehat beberapa bulan sebelum meneruskan bakti kepada masyarakat dalam wajah kerjaya yang lain.

"Enam bulan pertama selepas bersara wajib ini saya akan berehat terlebih dahulu dan melancong.

"(Selepas itu, mungkin) nak kembali bekerja di universiti, bukan sebab duit.

"(Sebaliknya) apabila saya bekerja, saya tidak berhenti untuk berfikir, mungkin boleh menggunakan platform universiti itu untuk saya kolaborasi dengan orang lain.

"Mungkin saya akan kembali ke universiti pada tahun depan.

"Di samping itu, saya juga berhasrat untuk berkolaborasi dengan NGO yang berkaitan penyakit tidak berjangkit seperti kanser, kesihatan mental.

"Saya memang ada menyertai beberapa NGO antaranya Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia, PENBAR (Program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok) ada jawatankuasa sendiri, juga *Association for International Cancer Research*.

"Sudah berusia 60 tahun, ada seorang anak sahaja yang baru berkahwin, selepas bersara saya masih tinggal di negeri Pulau Pinang,'' ulasnya lanjut.

## Harapan

Buat diri sendiri, Azizah berkata bahawa beliau berharap dapat terus berbakti dan memberi sumbangan kepada masyarakat, sungguhpun telah bersara wajib dari sektor perkhidmatan kesihatan awam.

"Saya berharap dapat menyumbang lebih banyak lagi kepada rakyat Malaysia di Pulau Pinang.

"Saya sangat mengharapkan rakyat di Pulau Pinang ini terus memberi kerjasama dan sokongan kepada anggota kesihatan di negeri ini.

"Tanpa sokongan semua pihak termasuk Kerajaan Negeri sendiri, memang sukar untuk anggota kesihatan negeri melaksanakan tugas-tugas hakiki mereka dalam komuniti.

"Saya juga berharap semua anggota kesihatan terus memberi sokongan dan kerjasama kepada Dr. Fazilah Shaik Allaudin (Pengarah JKNPP) pada peringkat PKD, saya percaya Pulau Pinang boleh jadi cemerlang, gemilang dan terbilang," ujarnya.



KEMPEN PENBAR yang dijalankan.

# Rakan Pemasar Kontrak

Di Pulau Pinang, jarang kita dengar bekalan sayur adalah tidak cukup bagi memenuhi permintaan rakyat.

Malah, bagi mereka yang selalu membeli atau memborong timun, cili dan bendi umpamanya di pasar-pasar awam sekitar negeri ini, harga yang ditawarkan adalah begitu murah dan stabil berbanding di kedai runcit atau pasar raya.

Buletin Mutiara baru-baru ini cuba mendapatkan maklum balas seorang usahawan tani muda yang terlibat dalam pengeluaran timun secara komersial.

Kata **MOHD. YUSOF MOHD. NOR**, ladang seluas lebih dua ekar yang tidak jauh dari Masjid Jamek Padang Cempedak, Tasek Gelugor di sini adalah ladang kedua yang diusahakannya.

"Jadi usahawan tani muda ini kalau rugi, saya pun tak akan mengusahakan penanaman timun di sini.

"Tetapi, setiap bidang pertanian atau peladangan pun ada cabaran tersendiri," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** pada 11 April lalu.

Dengan keluasan tanah lebih dua ekar, kata beliau, biasanya hasil pengeluaran kasar bagi setiap musim sekitar 35 hari hingga 40 hari, adalah kira-kira 20 tan.

"Hasil jualan kasar adalah kira-kira RM20,000 kalau diandaikan harga jualan sekilogram RM1.

"Daripada RM20,000 (hasil jualan kasar kasar), kalau ditolak RM8,000 upah pekerja dan modal pertanian lain, untung bersih adalah RM12,000 semusim atau RM4,000 sebulan," ujarnya.

Mohd. Yusof memberitahu bahawa dalam bidang pertanian, setakat ini memang membawa pulangan berbaloi.

"Selepas saya membuka ladang pertama dengan modal sendiri, saya buka ladang kedua dengan bantuan daripada FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) di sini (Tasek Gelugor)," ulasnya lanjut.

Bercerita lanjut, beliau berkata kalau ditanya kepada mana-mana usahawan tani muda, paling mereka bimbang adalah tidak boleh menjual hasil mereka selepas musim menuai.

"Petani dan peladang tidak ada masalah pun untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian mereka kalau ada permintaan yang tinggi, membawa pulangan yang berbaloi.

"Risiko serangan makhluk perosak pun, sekarang ada macam-macam racun dalam pasaran, cuma kena ikut



**MOHD. Yusof Mohd. Nor menunjukkan hasil tanaman bendi yang telah dituai.**

nasihat yang betul dan pakai racun yang dibenarkan sahaja, insyaAllah boleh elak risiko berkaitan.

"Perkara yang paling dirisaukan petani dan peladang adalah hasil pengeluaran begitu baik, tetapi tidak boleh dijual pada harga yang 'cantik' di tangan pemborong dan sebagainya.

"Biasalah lambakan hasil pertanian ini paling dibimbangi oleh petani, untuk meningkatkan modal pertanian mereka bagi meningkatkan hasil pertanian, takut selepas musim menuai nanti tidak boleh jual pada harga yang 'cantik'," ujarnya.

Bagi mengelak risiko lambakan hasil pertanian ini terus membuntukan para petani yang berkenaan, Mohd. Yusof memberitahu bahawa FAMA telah memperkenalkan sistem sokongan yang dikenali sebagai Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP).

"Tujuan hakiki RPKP diperkenalkan supaya petani yang mengalami risiko lambakan hasil pertanian mereka pada satu-satu musim tuaian boleh kekal dalam sektor pertanian yang mereka ceburi disebabkan ada skim bantuan secara langsung daripada ejen pemborong yang dilantik oleh FAMA sendiri," jelasnya.

Mengaku sebagai salah seorang ejen pemborong lantikan FAMA bagi melaksanakan RPKP, beliau menyatakan bahawa agensi Persekutuan itu memang ada menetapkan harga lantai bagi satu-satu komoditi secara seragam peringkat ladang.

Tujuan penetapan harga lantai itu, menurut Mohd. Yusof adalah supaya para petani dan peladang yang memeterai perjanjian di bawah RPKP ada pilihan terakhir untuk menjual hasil mereka dalam





TAMAN ARA SURIA

HAK MILIK KEKAL

Menyerlahkan Kebahagiaan Hidup

Melangkah kepada kediaman mesra yang membawa sinar bahagia di Taman Ara Suria, ia menawarkan koleksi perumahan kontemporari direka untuk menyinarkan lagi kehidupan seharian. Rasai kenikmatan hidup bersama yang tersayang dalam membina kehidupan sehingga kekal sepanjang generasi.



RUMAH TERES 1 TINGKAT
Luas Tanah: ± 20′ x 65′
Harga: RM 351,700 - RM 1, 009, 200



KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT
Luas Tanah: ± 20′ x 66′
Harga: RM 575, 000 - RM 829, 000




PASTECH ENGINEERING SDN. BHD. (963762-W)
No.1, Jalan Desa Ara, Taman Desa Ara, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang.

1700 818 365

Pamaju: Pastech Engineering Sdn. Bhd. | No. syarikat: 963762 - W | Lesen pemaju: 30385/03 - 2028/0062(N) | Tempoh sah: 04/03/2023 - 03/03/2028 | No. Permit Iklan & Jualan: 30385 - 1/05/2025/0534 (A) - (L) | Tempoh sah: 10/05/2023 - 09/05/2025 | Tarikh dijangka siap: Mei 2025 | Hakmilik tanah: Hakmilik kekal | Pajakan tanah: Pegangan Bebas | Pelan diluluskan oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai | No. kelulusan pelan bangunan: MBSP/40/20-13/13 | Bilangan Unit: 1 Tingkat 386 unit | Harga: RM351,700 (min.)– RM1,009,200 (maks.) / 5% Bumiputra Diskaun

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Semua lukisan dan ilustrasi di sini adalah tanggapan pelukis sahaja. Semua pelan, ukuran spesifikasi dan maklumat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada variasi, pindaan, dan perubahan yang mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa berkaitan atau arkitek projek tanpa pemberitahuan terlebih dahulu untuk pembelian dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran atau kontrak.

# Pemasaran FAMA bantu peladang dipuji

had beratan yang dipersetujui bersama kepada ejen pemborong dilantik FAMA, sekiranya mereka ditawarkan harga borong jauh lebih rendah berbanding harga lantai FAMA.

"Di bawah RPKP, harga yang FAMA tetapkan ini boleh dianggap sebagai subsidi bagi mereka yang ada mengikat kontrak perjanjian dengan ejen pemborong yang FAMA lantik.

"Di SPT (Seberang Perai Tengah), ada 10 peserta di bawah RPKP, kalau berlaku lambakan hasil pertanian, mereka boleh hantar di ladang ini dan saya beli dengan peruntukan subsidi daripada FAMA.

"Kemudian, kerja saya pula sama untuk melambakkan hasil pertanian itu di pasar-pasar borong sekitar SPT dan daerah lain untuk pengunjung boleh beli dengan harga yang lebih murah juga.

"Macam harga (lantai) bendi, RM2 sekilogram; harga (lantai) timun pula RM0.70 sekilogram; harga cabai tak menentu; walaupun harga sayur-sayuran berubah sedikit lazimnya harga lantai yang FAMA tetapkan di bawah RPKP adalah tidak banyak berubah.

"Contoh dalam perjanjian yang dipersetujui antara petani dan peladang dalam had pengeluaran sehingga 10 tan semusim, kita berjanji boleh memborong sehingga lapan tan, jadi mereka hanya perlu menjual hanya baki dua tan," ujarnya.

Di samping itu, Mohd. Yusof turut menjelaskan kekangan peringkat FAMA untuk menyusun jenis peladangan supaya mengelak lambakan hasil pertanian.

"Macam mana FAMA nak susun peladang A hanya tanam cili, peladang B tanah timun, peladang C tanam sayur-sayuran yang lain supaya elak risiko lambakan hasil peladangan mereka pada setiap musim tuaian, kalau masing-masing peladang mengeluarkan modal mereka sendiri.

"Seperti saya, membuka ladang kedua lebih dua ekar di sini, saya mengeluarkan modal sendiri hampir RM100,000, jadi saya ada sebab nak tanam timun kerana jenis tanaman ini jarang 'tak jadi'.

"Cuma, FAMA akan tetap membantu… selain melalui program sokongan seperti RPKP, kalau kita minta bantuan pembinaan tiang konkrit untuk tujuan pertanian di ladang ini pun, mereka tetap dan telah membantu," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada dua wakil pegawai FAMA lokal yang banyak membantu.

Mereka berdua yang dimaksudkan adalah Muhd. Faiz Mohd. Firdaus dan Mohd. Sobri Mohd. Nor.

Sebagai ejen pemasar atau pemborong lantikan FAMA, Mohd. Yusof memberitahu bahawa setakat ini, beliau tidak pernah menolak hasrat untuk membeli lambakan hasil pertanian peserta RPKP demi membantu mereka yang duduk dalam bidang pertanian ini.

"Kalau sampai 20 kilogram (kg) pun, mereka (FAMA) tetap datang ambil.

"Di sini, kala 30kg atau 50kg pun, mereka (FAMA) tetap datang ambil.

"Sebagai ejen pemasar RPKP, kerja saya sama ada pergi kutip lambakan hasil di ladang-ladang peserta RPKP atau mereka datang letak di kebun saya di sini," ulasnya.

Buletin Mutiara difahamkan bahawa pada April 2023 dilaporkan Pemangku Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata bahawa pihaknya menyasarkan seramai 1,000 peserta akan menyertai Program Ladang Kontrak di seluruh negara tahun ini bagi meningkatkan lagi bekalan makanan negara.



MENELITI hasil tanaman bendi yang diusahakan.

